Pelajar yang mengambil subjek Matematik Tambahan biasanya adalah pelajar aliran Sains Tulen dan Perakaunan. Sekolah menengah harian dimohon untuk membuka sekurang-kurangnya dua kelas bagi aliran Sains Tulen dan Perakaunan bagi memenuhi dasar 60 (sains):40 (sastera). Dasar ini telah lama dilaksanakan oleh kerajaan sejak 1967 bagi melaksanakan Wawasan 2020 dan diteruskan sehingga kini bagi menyokong dasar baharu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2013-2025. Oleh kerana pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam PT3 biasanya telah berpindah ke sekolah berasrama penuh menyebabkan sekolah luar bandar sangat terhad untuk membuka kelas aliran sains tulen. Justeru, bagi memenuhi calon di dalam

kelas tersebut, pelajar yang terpilih untuk menduduki subjek Matematik Tambahan adalah dalam kalangan pelajar yang sederhana dan lemah. Statistik dalam kajian awal yang ditadbir oleh penyelidik mendapati tiga buah sekolah luar bandar menunjukkan peratus pelajar Matematik Tambahan yang mendapat A dalam subjek Matematik PT3 ialah 8.4% dan peratus yang mendapat C ke bawah ialah 82.5% pada tahun 2018. Dapatan ini menunjukkan majoriti pelajar yang mengambil Matematik Tambahan di sekolah luar bandar adalah dalam kalangan pelajar yang sederhana dan lemah dalam subjek matematik.

Dalam abad ke-21 ini, guru Matematik dan pelajar perlu terus bertransformasi dan berevolusi mengikut perubahan global. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan ICT adalah amat penting supaya pelajar dan guru dapat membiasakan diri dalam penggunaan teknologi terkini dalam subjek Matematik Tambahan. Malah, PISA 2015 juga buat julung kalinya telah dilaksanakan berasaskan ICT (Laporan PISA, 2015). Kementerian telah mengeluarkan modal paling tinggi untuk infrastruktur dan ICT di sekolah bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 gelombang pertama (Laporan awal PPPM 2013-2025). Pada tahun 2004, KPM telah memperuntukkan perisian *Geometers' Sketchpad* (GSP) untuk digunakan kepada semua sekolah menengah dalam subjek matematik bagi memantapkan lagi penggunaan ICT (Nordin et al., 2010). Namun begitu, perkembangan pesat teknologi terkini memperlihatkan bahawa pelbagai perisian yang baharu yang lebih baik telah diperkembangkan dan boleh didapati dengan mudah dan terbuka dalam laman web bagi membantu pendidik-pendidik dan juga pelajar itu sendiri dalam mempelajari subjek matematik. Antara perisian yang baik untuk mempelajari subjek matematik ialah GeoGebra, Autograph, Demos, Cinderella, Cabri 3D, Cabri II, MicrosoftMath dan sebagainya.

1.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Tambahan

Pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan memerlukan kefahaman konseptual yang tepat dan menyeluruh selain daripada kemahiran mengira yang melibatkan daya pemikiran dan kreativiti yang tinggi. Strategi yang bersesuaian dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru dan alat bantu mengajar (ABM) yang menarik dapat memberikan kesan yang positif dalam pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran Matematik Tambahan pelajar.

Dalam penyelesaian masalah kehidupan harian, Tall (1993) mencadangkan bahawa langkah pertama untuk menyelesaikan masalah yang diberikan perlulah diterjemahkan dari konteks soalan ke tahap abstrak kalkulus. Kemudian masalah abstrak diselesaikan, dan seterusnya penyelesaian diterjemahkan kembali kepada konteksnya. Langkah pertama jelas menunjukkan kefahaman konseptual pelajar tentang pengetahuan pemboleh ubah, kemahiran algebra, dan konsep kalkulus kerana langkah ini bergantung kepada pengenalan bukan sahaja konsep yang sesuai dalam konteks yang diberikan tetapi juga hubungan dalam kalangan mereka. Mengenal pasti konsep yang sesuai mungkin melibatkan pemilihan daripada satu atau lebih pemboleh ubah dari beberapa konsep. Sebagai contoh, menyelesaikan masalah pembezaan hukum pertama, $\frac{dy}{dx}$ iaitu pelajar perlu memahami konsep kecerunan tangen kepada sesuatu lengkung dan konsep had. Jika guru dapat mengetahui masalah pelajar dalam topik tertentu seperti Topik Pembezaan, guru boleh menggunakannya bagi meningkatkan kurikulum dan pedagogi untuk memastikan kefahaman konseptual pelajar boleh diperbaiki supaya mereka dapat membuat soalan penyelesaian masalah dengan lebih berkesan.

Kaedah pembelajaran dan alat bantu mengajar (ABM) masa kini perlu dipelbagaikan dan tidak hanya terikat dengan kaedah tradisional di dalam bilik darjah sahaja. Asimilasi teknologi di dalam proses pendidikan berlangsung sepanjang masa dan hasilnya pelbagai jenis alatan, bahan mahupun metod pedagogi diperkenalkan dalam sistem pendidikan kita. Menurut Brandt dan Stark (1997) penggunaan ICT dalam pendidikan boleh dijadikan sebagai sokongan teknologi baharu untuk visualisasi konsep abstrak melalui perwakilan maya yang dijana oleh komputer. Teknologi juga dapat digunakan bagi proses pembelajaran yang bermakna dan memahami sesuatu konsep dengan jelas (Altıparmak, 2014). Justeru, dengan perisian komputer, pelajar dapat berinteraksi dengan bahan pendidikan yang direka untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan dan menyelesaikan situasi setiap hari dengan menggunakan latar belakang matematik mereka. Teknologi pembelajaran ini perlulah berguna dan sesuai dengan sistem pendidikan kita agar tidak menjadi sia-sia. Kewujudan perisian sumber terbuka telah mendapat perhatian ramai pendidik di dunia yang menggunakan ICT dalam pengajaran mereka. Sumber ini termasuklah perisian yang dinamakan GeoGebra yang dapat menjadi satu lagi contoh perisian yang baik dalam proses pembelajaran matematik.

Pembelajaran berbantuan ICT adalah satu kaedah alternatif yang sebaiknya dipilih untuk meningkatkan kefahaman konseptual secara mendalam, bermakna dan tepat serta membolehkan pelajar menyelesaikan masalah dalam Matematik Tambahan kerana kelebihan ICT yang membolehkan animasi dan visualisasi dilakukan iaitu buku teks, atau mana-mana buku latihan dan panduan tidak dapat melakukannya. Penggunaan kalkulator, komputer, perisian pendidikan, laman-laman web dalam Internet dan pakej-pakej pembelajaran yang sedia ada boleh memantapkan pendekatan pedagogi dan seterusnya meningkatkan kefahaman konsep matematik (Spesifikasi

Kurikulum Matematik Tingkatan 4, 2012). Masalah utama guru tidak menggunakan pendekatan ini adalah kerana penyediaan bahan ICT dan perisian matematik ini memerlukan perbelanjaan besar dalam mendapatkan lesen sekiranya kerajaan memutuskan untuk melaksanakan alat perisian ini di sekolah (Kamariah et al., 2010). Walaubagaimanapun, pernyataan ini telah dibidas oleh penyelidik bahawa banyak perisian matematik boleh didapati melalui sumber terbuka di internet dan tidak lagi memerlukan perbelanjaan yang besar.

Melalui penggunaan teknologi baharu di dalam bilik darjah, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa ada hubungan semasa melakukan aktiviti yang disokong oleh ICT, sikap positif terhadap matematik, peningkatan pembelajaran matematik, dan prestasi pelajar (Kenneth, 1996; Rosas et al., 2003). Seperti yang dicatat oleh Jonanssen dan Carr (2000), teknologi digunakan sebagai alat minda yang boleh digunakan untuk menyokong pemikiran refleksi yang mendalam dan diperlukan untuk pembelajaran yang bermakna.

Kajian lepas juga menunjukkan bahawa ada kepincangan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan. Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi garis panduan dan pendedahan pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan kepada guru Matematik Tambahan, namun guru-guru masih selesa dengan kaedah konvensional yang menjadi amalan sejak dahulu lagi (Bakar, 2008; Rajendran, 2001). Kaedah konvensional iaitu penggunaan *chalk and talk* dianggap lebih baik dan berkesan kerana kaedah ini melibatkan pengajaran dan pembelajaran berbentuk dua hala (Bakar, 2008). Hal ini secara tidak langsung menunjukkan guru tidak menggunakan pendekatan yang lebih baik sebagai contoh Pengajaran Berasaskan Potensi Otak. Pendekatan pengajaran guru yang masih tidak berubah menyebabkan pelajar pasif dan kurang berkeyakinan diri

dalam pembelajaran Matematik Tambahan. Guru yang menyedari cara pembelajaran otak berfungsi akan mendapat idea-idea menarik tentang keadaan dan persekitaran yang boleh mengoptimumkan pembelajaran. Namun begitu, hasil kajian-kajian yang lepas menunjukkan pendekatan ini banyak digunakan dan dikaji oleh guru-guru mata pelajaran Sains, Fizik dan Biologi. Masih kurang kajian menggunakan pendekatan ini terhadap subjek Matematik terutama subjek Matematik Tambahan. Oleh sebab itu, penyelidik mendapati satu modul berkaitan penggunaan teknologi dan juga pendekatan pengajaran berasaskan otak dapat digabungkan untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran Matematik Tambahan.

1.2.2 Kurikulum Mata Pelajaran Matematik Tambahan (Pembezaan)

Kurikulum sekolah Malaysia menawarkan tiga program pendidikan matematik, iaitu Matematik untuk sekolah rendah dan Matematik serta Matematik Tambahan untuk sekolah menengah. Kurikulum Matematik Tambahan bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan, ketrampilan dan minat pelajar dalam matematik (Huraian Sukatan Mata pelajaran Matematik Tambahan). Oleh hal yang demikian, mereka akan berupaya menggunakan matematik secara berkesan dan bertanggungjawab untuk berkomunikasi dan menyelesaikan masalah serta mempunyai persediaan yang mencukupi bagi melanjutkan pelajaran dan berfungsi secara produktif dalam kerjaya mereka.

Dalam mata pelajaran Matematik Tambahan, Pembezaan adalah topik di bawah bidang kalkulus iaitu pelajar perlu menguasai topik ini bagi asas pembelajaran topik-topik bidang kalkulus yang seterusnya. Topik Pembezaan adalah topik asas bagi topik-topik yang lain seperti topik Pengamiran dan Gerakkan Pada Garis Lurus dalam subjek Matematik Tambahan. Topik Pengamiran dan topik Gerakkan Pada Garis

Lurus adalah topik susulan selepas Topik Pembezaan yang akan diajar di Tingkatan 5. Topik ini seringkali dianggap sukar oleh pelajar kerana memerlukan kefahaman konseptual dan penyelesaian masalah yang berunsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Terdapat empat subtopik kecil Topik Pembezaan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Matematik Tambahan Tingkatan 5. Topik Pembezaan adalah dalam Bab 2 Tingkatan 5 dan subtopik kecil tersebut disenaraikan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Subtopik dalam Topik Pembezaan

No. Subtopik	Subtopik
2.1	Had dan Hubungannya dengan Pembezaan
2.2	Pembezaan Peringkat Pertama
2.3	Pembezaan Peringkat Kedua
2.4	Aplikasi Pembezaan

Sumber : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, KSSM Matematik Tambahan Tingkatan 5 (2019)

Topik Pembezaan merupakan asas kalkulus. Pelajar perlu memahami konsep dalam topik ini supaya ia dapat membantu mereka semasa di peringkat lebih tinggi seperti di Tingkatan 6, Matrikulasi atau Asasi. Untuk menguasai topik ini dengan baik, pelajar hendaklah mempunyai asas algebra serta kefahaman konsep yang kukuh.

Kebanyakan negara lain telah mula mempelajari kalkulus yang dinamakan *pre-calculus* di sekolah menengah pada lingkungan umur 16 tahun atau 17 tahun. Sebagai contoh di Amerika, kalkulus telah dipelajari oleh pelajar gred 11 dan 12. Kalkulus di sekolah menengah di Amerika telah menjadi masalah yang serius. Kajian Rasmussen & Ellis (2013) telah menunjukkan lebih 75% pelajar yang mendaftar dalam kursus kalkulus di kolej telah pun mengambil subjek Kalkulus di sekolah menengah. Walau

bagaimanapun, pelajar kolej yang tidak didedahkan dengan kefahaman konsep kalkulus yang mendalam berada pada kelemahan yang serius (Rasmussen & Ellis, 2013). Selain itu, kurikulum di negara yang membangun seperti Jerman, Spain dan Rusia juga telah menetapkan pelajar mereka mengambil kalkulus pada lingkungan umur 16 tahun atau 17 tahun.

1.2.3 Pendekatan Pengajaran Berasaskan Otak

Pendekatan Pengajaran Berasaskan Otak (PPBO) merupakan strategi yang dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip Pembelajaran Berasaskan Otak yang dibangunkan daripada teori serta penemuan terkini kajian berkaitan otak. Pendekatan ini direka bentuk agar serasi dengan struktur, kecenderungan serta fungsi optimum otak manusia bagi memastikan keberkesanan proses pembelajaran individu pelajar (Caine et al., 2005; Caine & Caine, 1991; Jensen, 1995). Pemahaman mengenai cara-cara proses otak yang optimum akan membantu memfokuskan intervensi pengajaran mengenai konsep nombor dan konsep aritmetik (Butterworth et al., 2011).

Pembelajaran matematik terutama Matematik Tambahan yang kompleks menyebabkan pelbagai isu. Isu yang didapati dalam pelaksanaan adalah kesukaran memahami konsep sesuatu topik dalam Matematik Tambahan menyebabkan pelajar sukar untuk menyelesaikan masalah. Pembelajaran Matematik Tambahan adalah berpusat kepada guru dan pelajar menjadi pasif. Maka, kaedah pembelajaran aktif perlu dalam proses pembelajaran untuk menyokong dan mengoptimumkan keupayaan pelajar bagi memahami konsep dan penyelesaian masalah. Berdasarkan isu ini, proses pembelajaran memerlukan kaedah pembelajaran atau model yang membantu pelajar menjadi aktif. Pembelajaran yang memudahkan pelajar untuk aktif dan menikmati pembelajaran adalah Pembelajaran Berasaskan Otak (PBO). Pembelajaran Berasaskan

Otak adalah pembelajaran yang berkaitan dengan cara-cara otak kita berfungsi secara semula jadi dalam proses pembelajaran (Jensen, 1995). Model ini memberi tumpuan kepada cara-cara mengoptimum keupayaan otak. Pelajar akan menikmati pembelajaran apabila mereka bersedia untuk belajar. Peranan guru adalah penting untuk membuat keadaan yang baik untuk pembelajaran. Guru harus menyediakan kesediaan pelajar-pelajar dan membawa mereka ke dalam pembelajaran apabila mereka bosan. Kajian menunjukkan bahawa PBO adalah positif dalam meningkatkan pencapaian matematik (Kartikaningtyas et al., 2017).

Banyak penyelidikan yang telah dijalankan mendapati Pendekatan Pengajaran Berasaskan Otak berkesan untuk meningkatkan kefahaman konseptual pelajar dan motivasi belajar mereka (Mazlan, 2018). Salah satu pecahan motivasi yang dibincangkan (Mazlan, 2018) ialah efikasi sendiri dan kebimbangan belajar Fizik. Pendekatan pengajaran ini memberi ruang kepada pelajar meningkatkan fungsi otak bekerja secara menyeluruh berdasarkan gabungan tiga elemen utama yang dirumuskan oleh Saleh (2008) daripada Caine dan Caine (2003, 1991), Sousa (1995, 2011) dan Jensen (1996, 2008) iaitu Keadaan yang tenang dan peka (iklim emosi), Integrasi pelbagai pengalaman yang diperkaya (pengajaran) dan Pemprosesan aktif (pengukuhan).

1.2.4 Perisian GeoGebra

Pengasas Perisian GeoGebra ialah Markus Hohenwarter iaitu pada asalnya tesis sarjananya pada tahun 2001 mengenai perisian GeoGebra telah mendapat perhatian pendidik matematik di seluruh dunia. Perisian GeoGebra yang pertama (GeoGebra 1.0) telah dilancarkan oleh Markus Hohenwarter pada tahun 2002. Perisian GeoGebra yang terkini ialah GeoGebra 6.0 iaitu teknologi GeoGebra diperbaharui

mengikuti perkembangan terkini. GeoGebra adalah perisian matematik dinamik dan perisian sumber terbuka yang boleh didapati secara percuma untuk pengajaran dan pembelajaran matematik. Perisian GeoGebra menawarkan ciri-ciri geometri, algebra, statistik dan kalkulus. Nama GeoGebra itu sendiri berasal daripada perkataan geometri dan algebra. Sejajar dengan perkembangan terkini, GeoGebra telah mengembangkan perisiannya dengan penggunaan, *spreadsheet*, grafik, kalkulus dan statistik satu pakej yang mudah digunakan. GeoGebra juga telah menjadi penyedia inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di seluruh dunia untuk perisian matematik dinamik, Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Perisian GeoGebra telah digunakan oleh ribuan pelajar dan pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mahupun di rumah. Statistik menunjukkan, bilangan pengunjung laman web GeoGebra iaitu 300,000 pengunjung setiap bulan pada tahun 2008 daripada 192 negara (Hohenwarter & Hohenwarter, 2008). GeoGebra boleh dilayari menggunakan carian melalui sumber internet dan boleh dibuka melalui komputer atau telefon mudah alih melalui website www.geogebra.org. Perisian ini juga boleh dimuat turun secara percuma melalui laman web tersebut bagi penggunaan *offline*. Perisian GeoGebra ini mudah digunakan dalam kalangan pengajar dan pelajar. Guru boleh menggunakan fail yang sedia ada untuk mempersembahkan konsep matematik kepada pelajar mereka. Sementara itu, guru dan pelajar boleh menggunakan perisian ini sebagai alat pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel boleh digunakan untuk memahami konsep dan penyelesaian masalah matematik pelajar.

Keyakinan kepada kemampuan diri (efikasi sendiri) merupakan salah satu faktor *non* kognitif yang berpengaruh terhadap hasil belajar Matematik Tambahan. Efikasi sendiri dalam matematik yang tinggi dapat mengurangkan kebimbangan

belajar dalam matematik. Melihat peranan utama efikasi sendiri dalam proses pembelajaran, diharapkan media pembelajaran berbantuan perisian komputer seperti perisian GeoGebra dapat memberikan sumber belajar bervariasi dan pengalaman bermakna sehingga memacu efikasi sendiri ke arah yang positif menjadi salah satu tujuan yang ingin dicapai oleh penyelidik.

Beberapa huraian telah dibincangkan oleh Saputra (2016) mengenai hubungan statistik penggunaan perisian GeoGebra terhadap motivasi ekstrinsik dan intrinsik dalam kalangan pelajar semasa pembelajaran matematik. Ternyata, kelebihan perisian GeoGebra yang masih dapat dieksplorasi lebih mendalam dengan adanya komponen komputer. Salah satu komponen komputer ialah kemampuan dalam mengintegrasikan komponen seperti warna, musik, dan grafik. Hal ini menyebabkan penggunaan perisian komputer mampu menyampaikan hasil pembelajaran dengan penguasaan yang tinggi (Warsita, 2008).

Sesuatu pengajaran itu akan lebih menarik dan kefahaman konseptual serta kemahiran penyelesaian masalah akan meningkat sekiranya penjelasan dibuat menggunakan alat bantu mengajar dan juga pendekatan pengajaran yang sesuai. Pelajar mempunyai penerimaan dan penyerapan pembelajaran yang berlainan. Terdapat pelajar yang boleh menumpukan perhatian dengan cara pendengaran sementara yang lain perlu melihat gambar dan contoh. Terdapat juga pelajar yang memerlukan aktiviti sampingan bagi membantu mereka berfokus dan meningkatkan potensi otak. Oleh sebab itu, adalah perlu untuk para pengajar mempelbagaikan kaedah penyampaian dengan beberapa cara atau menggabungkan beberapa kaedah supaya tahap kefahaman konseptual menjadi lebih tinggi. Salah satu pendekatan yang telah lama diperkenalkan di Malaysia ialah Pendekatan Pengajaran Berasaskan Otak. Hasil kajian menunjukkan pendekatan pengajaran berasaskan otak dapat berupaya

menghasilkan kesan terhadap kefahaman konseptual dan motivasi pelajar dalam pembelajaran (Bawaneh et al., 2012; Fazil & Saleh, 2016; Saleh, 2014).

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan laporan Lembaga Peperiksaan menunjukkan peratus gagal untuk tiga tahun berturut 2015 hingga 2017 bagi Matematik Tambahan dalam peperiksaan SPM meningkat iaitu dari 22.2%, 22.7% dan 24.2%. Gred purata Matematik Tambahan pada tahun 2017 juga masih jauh rendah dibandingkan dengan subjek lain iaitu 5.81. Berdasarkan Lampiran A menunjukkan gred purata paling rendah ialah daripada sekolah menengah luar bandar. Negeri Perlis, Kedah dan Sabah merupakan negeri yang mendapat gred purata paling rendah antara negeri-negeri lain pada tahun 2017. Hasrat kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, adalah mendekatkan jurang antara sekolah luar bandar dan sekolah di dalam bandar. Walaubagaimanapun, laporan Lembaga Peperiksaan menunjukkan peratus gagal Matematik Tambahan sekolah luar bandar dalam tiga tahun terkini 2015 hingga 2017 semakin meningkat iaitu 28.18%, 28.74% dan 31.35%. Oleh itu, masalah jurang antara sekolah bandar dan luar bandar adalah perkara yang perlu ditekankan.

Kailani dan Ismail (2010) dalam kajian mereka telah menunjukkan pelajar masih tidak menguasai konsep dan kaedah untuk menyelesaikan soalan Pembezaan (Arshad & Abdullah, 2014). Topik Pembezaan merupakan topik yang penting bagi memahami konsep kalkulus dan merupakan topik yang sukar untuk difahami bagi pelajar (Orton, 1983; Park, 2013; Thompson, 1994; Zandieh, 2000; Zengin, 2018). Hasil dari temu bual kajian lepas oleh (Nasir et al., 2013) guru Matematik Tambahan berpendapat bahawa Topik Pembezaan adalah topik yang paling sukar. Dapatan ini juga disokong oleh kajian awal penyelidikan iaitu 78.8% pelajar luar bandar mendapati

Topik Pembezaan adalah topik yang sukar. Begitu juga dengan peratus guru Matematik Tambahan iaitu 86% guru ini mendapati Topik Pembezaan adalah topik yang sukar bagi pelajar. Analisis maklumat mengenai kesukaran pelajar dalam pembelajaran Pembezaan menunjukkan bahawa kesukaran ini adalah disebabkan kelemahan mereka dalam menyelesaikan masalah (Metaxas, 2007; Rubio & Chacón, 2011; Pepper et al., 2012; Tall, 1993, 1997, 2011; Willcox & Bounova, 2004; Javadi, 2008; Tarmizi, 2010; Ghanbari, 2012).

Menurut kajian Nasir et al. (2013) pelajar cenderung menghafal apa yang mereka mempelajari dalam Topik Pembezaan tanpa mengetahui konsep sebenar Pembezaan. Sebilangan besar pelajar cuba menghafal dan menggunakan kaedah dan definisi matematik tanpa memahami sepenuhnya konsep asas. Mengikut kajian Firouzian (2007) pula 95 daripada 125 pelajar mempunyai kefahaman konsep Pembezaan namun lebih daripada 70% pelajar tidak mempunyai kefahaman tentang konsep Pembezaan yang sebenar atau jelas. Sebagai contoh, walaupun pelajar boleh memberi jawapan dengan betul iaitu "kecerunan garis tangen pada titik tertentu pada sesuatu lengkung" sebagai definisi Pembezaan, mereka membuat tafsiran yang salah tentang definisi ini (Amit & Vinner, 1990; Ubuz, 2001). Kefahaman konseptual dan penyelesaian masalah dalam Pembezaan adalah masalah utama bagi pembelajaran peringkat lebih tinggi. Seperti yang ditunjukkan pada kajian Firouzian (2007), majoriti pelajar tidak memahami konsep Pembezaan itu dengan jelas. Mereka juga menghadapi kesukaran menggunakan pengetahuan Pembezaan mereka untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Bukan sahaja pelajar yang lemah menghadapi masalah dalam Pembezaan, malah pelajar terbaik juga tidak sepenuhnya memahami konsep yang diajar dalam topik tersebut. Mereka menghadapi kesukaran dalam penyelesaian

masalah yang soalnya bukan rutin (Bezuidenhout, 1998; Carlson, 1998; Selden & Selden, 2017).

Masalah pencapaian konseptual dan penyelesaian masalah dalam mata pelajaran Matematik Tambahan perlu diberi perhatian sewajarnya. Kelemahan dalam mata pelajaran ini boleh mengakibatkan kurangnya peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mengikuti kursus tertentu yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran Matematik Tambahan terutamanya dalam topik Pembezaan. Seperti mana dalam kajian terbaru oleh Hernandez et al. (2021) telah menunjukkan bilangan pelajar pada peringkat tinggi tidak meneruskan pembelajaran dalam kursus Kalkulus adalah disebabkan kesukaran dalam topik Pembezaan ini. Justeru, banyak pihak telah mengutarakan pelbagai faktor yang menjadi punca kepada kelemahan ini di mana salah satu faktor tersebut adalah efikasi sendiri pelajar terhadap subjek Matematik Tambahan. Kajian terdahulu Marzita (2002) menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ramai antara pelajar mempunyai kebimbangan matematik yang tinggi. Kebimbangan ini boleh dikaitkan dengan efikasi sendiri mereka terhadap mata pelajaran matematik itu sendiri. Bilangan pelajar yang mendaftar dalam SPM subjek Matematik Tambahan semakin menurun walaupun bilangan pelajar yang mendaftar SPM adalah meningkat. Pada tahun 2015, bilangan calon SPM di bawah sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi subjek Matematik Tambahan ialah 152 004 orang, tahun 2016 bilangan calon 126 880 orang dan tahun 2017 bilangan calon 125 636 orang (Lembaga Peperiksaan, 2018). Situasi ini jelas menunjukkan keyakinan pelajar untuk mengambil subjek Matematik Tambahan menurun tiga tahun berturut.

Berdasarkan daripada kajian analisis keperluan Yatim et al. (2021), 90.5% daripada 147 orang pelajar mendapati subjek Matematik Tambahan adalah sukar dan

35.3% pelajar tidak berminat dalam subjek Matematik Tambahan. Hasil pentadbiran kajian Yatim et al. (2021) juga mendapati efikasi sendiri belajar Matematik Tambahan berada dalam tahap sederhana (3.43, 0.67) manakala kebimbangan pelajar terhadap belajar Matematik Tambahan adalah tinggi (3.68, 0.55). Kebanyakan pelajar beranggapan bahawa Matematik Tambahan adalah sangat sukar dalam memahami konsep dan memahami soalan. Mereka mendapati bahawa pembelajaran Matematik Tambahan menjadi lebih sukar kerana subjek ini lebih abstrak dan memerlukan mereka membuat penaaakulan yang lebih tinggi. Pada peringkat inilah pendekatan yang lebih konstruktif diperlukan dan harus diperkenalkan untuk membantu pelajar memahami pembelajaran dengan lebih efektif.

Penyelidikan dahulu menunjukkan bahawa walaupun banyak faedah menggunakan teknologi dalam pendidikan matematik, penggunaan teknologi secara menyeluruh di bilik darjah adalah perlahan (Cuban et al., 2001). Berdasarkan laporan pemeriksaan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) pada tahun 2012 dan 2013 menunjukkan peratus guru menggunakan perisian dinamik adalah amat rendah iaitu 1.20% pada tahun 2013 dan 0.00% pada tahun 2012 di seluruh Malaysia (Khor & Ruzlan, 2016). Hasil daripada kajian awal penyelidik juga, mendapati peratus guru daripada 63 responden guru yang telah menggunakan bantuan ICT dalam PdP Matematik Tambahan adalah 27% manakala peratus guru yang pernah menggunakan perisian GeoGebra dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan adalah 20.6% sahaja. Dapatan ini menunjukkan, penggunaan perisian GeoGebra dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Matematik Tambahan masih kurang diminati dalam kalangan guru. Hal ini disebabkan guru kurang mendapat modul sokongan serta bahan bantu mengajar yang melibatkan penggunaan ICT. Berdasarkan kajian awal penyelidik juga, hanya 22.2% guru yang pernah menggunakan modul Pengajaran

semasa proses PdP Matematik Tambahan di dalam kelas. Selainnya, tidak pernah menggunakan modul pengajaran semasa proses PdP di dalam kelas.

Bersumberkan isu dan penemuan di atas, maka satu penambahbaikan proses pengajaran guru perlu dilakukan pada Topik Pembezaan bagi aspek kaedah pengajaran. Hal ini adalah kerana kaedah pengajaran merupakan penyumbang utama terhadap kejayaan proses pembelajaran (Djamarah & Zain, 2002). Sokongan Modul Pengajaran dengan strategi dan pendekatan yang baik seperti Pembelajaran Berasaskan Otak (PBO) dengan integrasi perisian GeoGebra dan bahan pembelajaran menggunakan GeoGebra juga diperlukan. Modul ini dilakukan kerana guru dituntut untuk lebih kreatif dan sistematik dalam proses pengajaran Matematik Tambahan bagi membolehkan pelajar terlibat aktif dalam membina konsep serta menciptakan suasana pembelajaran yang lebih berkesan sehingga dapat meningkatkan kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan mengurangkan kebimbangan dalam Topik Pembezaan. Walaubagaimanapun, kajian perlu dilaksanakan untuk melihat perbezaan keberkesanan Pendekatan Pengajaran Berasaskan Otak dengan integrasi Perisian GeoGebra ini berbanding dengan pendekatan pengajaran konvensional menggunakan ICT oleh guru. Tambahan pula, seperti yang dibincangkan di perenggan sebelum ini, 27% guru Matematik Tambahan yang telah menggunakan pendekatan ICT dalam PdP mereka. Justeru, dengan perbandingan kajian seperti ini dapat melihat impak lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan mengurangkan kebimbangan dalam Topik Pembezaan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan bertujuan untuk membangunkan Modul B-Geo serta melihat keberkesanan Pendekatan Pengajaran Berasaskan Otak dengan integrasi Perisian GeoGebra dalam PdP Matematik Tambahan bagi Topik Pembezaan ke atas skor kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan kebimbangan belajar Topik Pembezaan dalam kalangan pelajar Matematik Tambahan sekolah menengah luar bandar.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Membangunkan Modul B-Geo untuk meningkatkan kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan mengurangkan kebimbangan belajar Topik Pembezaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar.
2. Menilai keberkesanan pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo ke atas skor kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan kebimbangan belajar Topik Pembezaan sekolah menengah luar bandar.
3. Mengenal pasti pandangan guru terhadap kesan pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dalam PdP Matematik Tambahan.
4. Mengenal pasti pandangan pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dalam PdP Matematik Tambahan.

1.6 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah proses membangunkan Modul B-Geo untuk meningkatkan kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan mengurangkan kebimbangan belajar dalam Topik Pembezaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar?
2. Adakah terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan kumpulan yang mengikuti Pendekatan Pengajaran Konvensional (P ICT) untuk kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan kebimbangan belajar Topik Pembezaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar selepas mengawal skor ujian pra?
 - a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari skor ujian pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi kefahaman konseptual Topik Pembezaan selepas mengawal skor ujian pra?
 - b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari skor ujian pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi kebolehan penyelesaian masalah Topik Pembezaan selepas mengawal skor ujian pra?
 - c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari skor soal selidik pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan

pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi efikasi sendiri belajar Topik Pembezaan selepas mengawal skor soal selidik pra?

d) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari skor soal selidik pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi keseimbangan belajar Topik Pembezaan selepas mengawal skor soal selidik pra?

3. Apakah pandangan guru terhadap kesan pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo yang dilaksanakan dalam PdP Matematik Tambahan?

4. Apakah pandangan pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo yang dilaksanakan dalam PdP Matematik Tambahan?

1.7 Hipotesis Kajian

Persoalan kajian 1, 3 dan 4 hanya melibatkan kaedah dan peringkat pembangunan Modul B-Geo serta pandangan guru dan pelajar terhadap kesan pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo, maka tiada hipotesis kajian yang dibuat. Berdasarkan objektif dan soalan kajian 2 terhadap pelajar sekolah menengah luar bandar, berikut merupakan hipotesis nul utama dibina:

H₀ (a) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari skor ujian pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi kefahaman konseptual Topik Pembezaan selepas mengawal skor ujian pra?

H₀ (b) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari skor ujian pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi kebolehan penyelesaian masalah Topik Pembezaan selepas mengawal skor ujian pra?

H₀ (c) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari skor soal selidik pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi efikasi sendiri belajar Topik Pembezaan selepas mengawal skor soal selidik pra?

H₀ (d) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari skor soal selidik pasca antara kumpulan yang mengikuti pendekatan pengajaran menggunakan Modul B-Geo dan P ICT dari segi kebimbangan belajar Topik Pembezaan selepas mengawal skor soal selidik pra?

1.8 Kepentingan Kajian

Berlandaskan kajian lepas, penyelidik mendapati kajian pembinaan modul perisian GeoGebra hanya tertumpu kepada Geometri dan Graf. Kajian lepas juga tidak mengaitkan Pendekatan Berasaskan Otak dalam pembinaan modul tersebut. Kajian pembinaan Modul Pengajaran Berasaskan Otak dengan integrasi Perisian GeoGebra (Modul B-Geo) ini, dijalankan dengan harapan dapat menjadikan panduan kepada guru-guru di peringkat Sekolah Menengah untuk merancang pengajaran Matematik

Tambahan dalam Topik Pembezaan dengan lebih efektif dan sesuai dengan persekitaran pembelajaran pelajar. Kajian ini juga diharap dapat mengetengahkan satu pendekatan baharu bagi merialisasikan matlamat pendidikan Matematik Tambahan yang berupaya menggunakan matematik secara berkesan dan bertanggungjawab untuk berkomunikasi, menyelesaikan masalah serta mempunyai persediaan yang mencukupi bagi melanjutkan pelajaran dan berfungsi secara produktif dalam kerjaya mereka. Selain itu juga, modul dapat membantu guru mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Topik Pembezaan bagi meningkatkan kefahaman konseptual dan penyelesaian masalah pelajar Matematik Tambahan.

Bagi pelajar pula, kajian ini dianggap penting kerana pengalaman pelajar mengikuti aktiviti yang dirancang dalam modul ini diharap dapat membuka minda mereka bahawa proses pembelajaran Matematik Tambahan bukanlah sesuatu yang membosankan dan bukanlah sesuatu yang sukar. Adalah diharapkan bahawa selain menguasai kefahaman konseptual dalam Topik Pembezaan, pelajar juga boleh menguasai kemahiran penyelesaian masalah menggunakan perisian GeoGebra. Modul ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar dari segi meningkatkan efikasi belajar dan mengurangkan kebimbangan dalam Topik Pembezaan.

Akhir sekali dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan sistem pendidikan dalam menilai dan meluaskan penggunaan modul (Modul B-Geo) khususnya dalam Topik Pembezaan, mata pelajaran Matematik Tambahan. Selain itu juga, kajian ini dapat menjadi titik tolak kepada pihak sekolah dalam mencari penyelesaian terhadap masalah kefahaman konseptual, penyelesaian masalah, masalah efikasi sendiri dan kebimbangan belajar Matematik Tambahan terutamanya dalam Topik Pembezaan. Justeru, dapatan kajian ini dapat membantu tercapainya matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi

membentuk perkembangan diri pelajar secara menyeluruh dan seimbang. Bukan sahaja memberi penekanan kepada aspek fizikal dan kognitif, tetapi juga aspek emosi, rohani.

1.9 Skop Kajian

Pembangunan modul ini dijalankan dalam persekitaran pembelajaran peringkat sekolah menengah luar bandar dan hanya terbatas kepada tajuk Pembezaan sahaja. Pembangunan modul ini dijalankan kepada pelajar yang mengambil subjek Matematik Tambahan Tingkatan 4. Kajian ini menumpukan kepada kefahaman konseptual, kebolehan penyelesaian masalah, efikasi sendiri dan kebimbangan belajar Topik Pembezaan, Matematik Tambahan di sekolah menengah luar bandar di Daerah Kulim / Bandar Baharu, Kedah sahaja.

1.10 Limitasi Kajian

Kajian ini adalah untuk membangunkan dan menilai keberkesanan Modul B-Geo. Kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan dan guru yang mengajar Matematik Tambahan di sekolah menengah harian sahaja. Kajian ini juga terbatas kepada satu topik dalam subjek Matematik Tambahan iaitu Topik Pembezaan. Pada awal penyelidikan, Topik Pembezaan adalah di bawah Tingkatan 4 mengikut silibus KBSM. Penyelidik telah membuat satu analisis kajian keperluan mengikut KBSM. Walaubagaimanapun, setelah DSKP (KSSM) telah dilancarkan dan dilaksanakan pada tahun 2020 bagi Tingkatan 4, penyelidik mendapati Topik Pembezaan telah diubah ke Tingkatan 5.